

# Perlindungan Hidupan Liar Berorientasikan Masalah

*A.M. Lemieux & R.S.A. Pickles*

2020

*Bahasa Malaysia translation  
Azrun Amirudin Sulaiman & Mohd Faiz Mohd Yusoff  
Panthera Malaysia*



Center for  
**Problem-Oriented  
Policing**

**nsCr**

Netherlands Institute for the Study  
of Crime and Law Enforcement



# PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR BERORIENTASIKAN MASALAH

## Mengenai panduan ini

Selaku pegawai penguat kuasa hidupan liar negara, anda mungkin akan mengalami perasaan *deja vu*. Walaupun setelah beberapa siri tangkapan berjaya dilakukan keatas pemburu haram, namun ancaman pemburuan haram masih lagi tidak menunjukkan sebarang pengurangan. Anda dipanggil untuk menangani masalah berkaitan haiwan perosak tanaman, dan biarpun usaha pembasmian dan pemindahan haiwan telah dilakukan dengan kerap akan tetapi, lebih banyak aduan terhadap masalah yang sama masih diterima setiap tahun. Anda mungkin tidak bersendirian jika anda berfikir '*jika kita mempunyai lebih banyak pasukan peronda ... atau kenderaan yang lebih cekap... atau lebih banyak wang untuk operasi, mungkin kita dapat menyelesaikan kesemua masalah ini*'. Walau bagaimanapun, anda hanya mempunyai bajet yang terhad dan orang ramai mengharapkan anda untuk menangani pelbagai jenis masalah mengenai hidupan liar, di mana antaranya akan menelan masa dan sumber yang banyak, namun tetap tiada perubahan ketara yang dapat dilihat.

Tambahan pula, anda mungkin menyedari bahawa masalah berkaitan perlindungan hidupan liar telah menjadi semakin teruk. Pemburuan dan pemerdagangan hidupan liar sebagai haiwan peliharaan, makanan, perhiasan atau perubatan semakin meningkat di seluruh dunia. Terdapat juga peningkatan masalah konflik di antara hidupan liar dan manusia atas faktor persaingan bagi mendapatkan kawasan dan sumber keperluan bagi kelangsungan hidup. Dan kebanyakan masalah yang anda diminta untuk selesaikan adalah begitu rumit dan anda akan mendapati bahawa pendekatan konvensional organisasi anda perlu dikemas kini.

**Pengawalan berorientasikan masalah merupakan cara yang terbukti berkesan untuk mengurangkan jenayah dan gangguan dengan menghapuskan peluang dan pamacu yang menyebabkan berlakunya masalah.**

Jadi, sudah tiba masanya untuk anda mencuba sesuatu yang baru. Pengawalan berorientasikan masalah (POP) telah dikembangkan untuk membantu pegawai polis mencari jalan bagi mengurangkan kadar jenayah tanpa memerlukan penambahan sumber yang besar. Pendekatan berorientasikan masalah (a) menyokong inisiatif yang teliti bagi menangani konteks masalah tertentu, (b) menggalakkan penyelesaian inovatif di luar sistem pengadilan jenayah, dan (c) mempromosikan kerjasama di dalam dan di luar agensi anda. Kami bersependapat bahawa pendekatan ini akan membawa banyak faedah kepada pihak berkuasa hidupan liar dan dapat diterapkan dalam strategi pemuliharaan secara berterusan.

Terdapat banyak panduan, kajian kes, dan sumber pembelajaran yang sedia ada di Pusat Pengawalan Berorientasikan Masalah yang dapat membantu bagi menjayakan usaha Pengawalan Berorientasikan Masalah. Sebilangan besar perkara ini mungkin tidak terasa asing, namun, walaupun pegawai polis dan pegawai

hidupan liar mempunyai banyak persamaan, masih terdapat perbezaan yang agak ketara. Beberapa perkara memerlukan sedikit "penghijauan", atau sedikit penterjemahan untuk konteks pemuliharaan. Panduan ini menerangkan bagaimana idea dan prinsip POP dapat disesuaikan dengan masalah perlindungan hidupan liar dan menjelaskan bagaimana organisasi anda dapat memulakan projek berorientasikan masalah yang tersendiri.

# Perlindungan Hidupan Liar Berorientasikan Masalah

A.M. Lemieux and R.S.A. Pickles



## *Sitasi cadangan*

Lemieux, A.M. and Pickles, R.S.A. (2020). *Problem-Oriented Wildlife Protection*. Phoenix, AZ: Center for Problem-Oriented Policing, Arizona State University.

© 2020 A.M. Lemieux and R.S.A. Pickles. The right of A.M. Lemieux and R.S.A. Pickles to be identified as authors of this work has been asserted by them in accordance with the Copyright Act of 1976.

Pandangan penulis adalah pandangan mereka sendiri, dan tidak semestinya menggambarkan pandangan penerbit.

The translation of this guide from English to Bahasa Malaysia was authorized by the authors and supported by Panthera Malaysia. Neither the authors, nor the Center for Problem-Oriented Policing, are responsible for the accuracy of the translation.

**Center for Problem-Oriented  
Policing**  
School of Criminology  
& Criminal Justice  
Arizona State University  
411 N. Central Ave., Suite 600  
Mail Code 4420  
Phoenix, AZ 85004  
USA

**Netherlands Institute for the  
Study of Crime and Law  
Enforcement**  
Postbus 71304  
1008 BH Amsterdam  
The Netherlands

**Panthera**  
8 West 40th Street  
18th Floor  
NY 10018  
USA

## Isi Kandungan

<b><i>Mengenai panduan ini.....</i></b>	<b><i>i</i></b>
<hr/> <hr/>	
<b><i>Bahagian 1: Apakah pendekatan berorientasi masalah untuk mengurangkan jenayah? ....</i></b>	<b><i>1</i></b>
Apa itu pengawalan yang berorientasikan masalah dan bagaimana ia unik?.....	1
Adakah kawalan berorientasikan masalah lebih berkesan? .....	3
Pernahkah pendekatan berorientasikan masalah digunakan untuk mencegah jenayah hidupan liar?.....	4
Mengapa saya harus mempertimbangkan untuk memulakan projek yang berorientasikan masalah?.....	5
Bagaimana organisasi saya boleh memulakannya? .....	5
<b><i>Bahagian 2: Penyelesaian masalah berdasarkan SARA.....</i></b>	<b><i>7</i></b>
SARA: Gambaran ringkas.....	7
Mengimbas: Mengenalpasti, mengutamakan, dan memilih masalah .....	9
Analisis: Menganalisa maklumat, membentuk hipotesis, menetapkan petunjuk.....	12
Tindak balas: Mengurangkan peluang, meningkatkan risiko, meningkatkan kepatuhan, menjadi lebih fokus	15
Penilaian: Pemantauan pelaksanaan, pengukuran kesan, penyesuaian seperti yang diperlukan .....	20
<b><i>Bahagian 3: Memulakan projek berorientasikan masalah anda sendiri. ....</i></b>	<b><i>22</i></b>
Komponen 1. Kumpulan penyelesaian masalah .....	22
Komponen 2. Maklumat.....	23
Komponen 3. Kapasiti analitik.....	25
Komponen 4. Rakan kongsi .....	25
Komponen 5. Pengurusan .....	26
Komponen 6. Ulasan .....	28
Menggabungkan komponen: Kata semangat.....	28
<b><i>Rujukan .....</i></b>	<b><i>30</i></b>
<b><i>Maklumat Penulis.....</i></b>	<b><i>32</i></b>
<b><i>Penghargaan.....</i></b>	<b><i>32</i></b>

## Bahagian 1: Apakah pendekatan berorientasi masalah untuk mengurangkan jenayah?

Melindungi hidupan liar dan hutan belantara daripada bahaya adalah sukar dan amat mencabar. Ini benar, terutamanya apabila mempertimbangkan keperluan seseorang dan komuniti yang memanfaatkan hidupan liar sebagai komoditi sumber hasil. Pemuliharaan telah digambarkan sebagai gabungan 'masalah jahat' yang sukar diselesaikan kerana ia tidak semestinya hanya mempunyai satu punca atau penyelesaian, dan isu-isu ini selalunya berkaitan dengan masalah yang lain seperti perubahan iklim.

Dalam konteks pemuliharaan, jenayah hidupan liar adalah istilah umum yang merangkumi pelbagai jenis tingkah laku yang melanggar akta perlindungan spesies negara dan antarabangsa. Kebanyakan masalah bukan sahaja berkaitan dengan masalah pemerdagangan hidupan liar sahaja, tetapi ia merangkumi masalah tingkah laku manusia seperti pembasmian spesies yang dilindungi yang dianggap sebagai haiwan perosak serta pembukaan hutan secara haram. Memandangkan sifat jenayah hidupan liar yang pelbagai dan hubungannya dengan masalah lain seperti kemiskinan, jaminan sumber makanan yang mencukupi dan konflik manusia-hidupan liar, maka usaha untuk menyelesaikan masalah ini bukanlah sesuatu yang mudah.

Dalam Bahagian 1 panduan ini, kami akan memberikan gambaran keseluruhan mengenai pengawalan berorientasikan masalah (POP). POP membantu agensi pengawalan menyusun atur pendekatan mereka untuk menangani masalah rumit dengan memecahkannya menjadi bahagian yang lebih kecil dan lebih terkawal. Pegawai hidupan liar dan pegawai polis mempunyai banyak persamaan dalam cara mereka bekerja, tetapi terdapat juga beberapa perbezaan yang ketara. Di sini, kami menunjukkan bagaimana idea-idea POP, serta keberkesannya dalam menjadikan POP satu strategi yang menarik bagi individu-individu seperti anda yang bekerja di dalam bidang perlindungan hidupan liar.


Kami menjadukan panduan ini sebagai Perlindungan Hidupan Liar Berorientasikan Masalah kerana sebahagian besar usaha global untuk mencegah jenayah hidupan liar diketuai oleh orang yang mempunyai latar belakang dan mandat yang berbeagai. Sebilangan besar daripada anda tidak semestinya seorang 'pegawai polis', namun anda masih berurusan dengan individu yang melanggar peraturan. Objektif kami adalah untuk menyediakan rangka kerja bagi membantu anda mengurangkan penimbunan masalah baru serta kecederaan parah terhadap hidupan liar yang disebabkan manusia, samada penjenayah ataupun tidak. Panduan ini khususnya disasarkan untuk membantu anda menangani jenayah hidupan liar, tetapi anda akan mendapati bahawa idea dan prinsip yang dinyatakan dapat juga digunakan bagi mengatasi pelbagai masalah perlindungan hidupan liar yang lain.

### Apa itu pengawalan yang berorientasikan masalah dan bagaimana ia unik?

Pada tahun 1970-an, kadar jenayah yang tinggi dan strategi kawalan yang berfokuskan kepada tindak balas terhadap insiden menyebabkan keputusan dan menjatuhkan moral pegawai polis tatkala mereka mendapati diri mereka sering menjawab panggilan di lokasi

insiden yang sama serta berhadapan dengan pesalah laku yang sama. Pengawalan berorientasikan masalah muncul pada tahun 1979 dan sifat dasarnya yang berbeza membuatkan pegawai polis mempertimbangkan semula tugas mereka. Daripada memfokuskan usaha kepada meningkatkan kecekapan dalam menjawab panggilan, penekanan diberi kepada langkah bagi mengurangkan panggilan sekaligus, dengan cara menjadi lebih fokus dan mengurangkan kebergantungan pada sistem pengadilan jenayah.

**POP mengutamakan dan menggunakan pelbagai campur tangan untuk mengurangkan kadar jenayah dan gangguan.** Gambar rajah di bawah menunjukkan perbandingan di antara POP dengan strategi pengawalan yang lain (diadaptasi daripada <sup>2</sup>). Model pengawalan standard untuk menjawab panggilan dan membuat tangkapan adalah tidak khusus kepada masalah dan sangat bergantung kepada sistem pengadilan jenayah untuk membuat perubahan. Pengawalan komuniti mencari cara yang berbeza untuk menangani jenayah, namun ia tidak semestinya tertumpu kepada masalah tertentu. Strategi pengawalan yang fokus, seperti rondaan kawasan titik panas dan pencegahan berfokus, adalah sangat spesifik, tetapi kebanyakannya bergantung kepada ancaman sekatan penguatkuasaan undang-undang bagi mencegah tindakan salah laku.



**POP adalah tertakluk kepada jenayah dan kawasan yang khusus.** Kategori jenayah yang luas adalah sukar ditangani dan sesetengah kawasan memberikan peluang yang lebih baik untuk melakukan jenayah berbanding kawasan lain. Mengenalpasti hal ini, POP menekankan kepada pengkhususan jenayah dan kawasan ketika menganalisis dan bertindak balas terhadap jenayah. 'Rompakan' misalnya, adalah satu kategori yang terlalu luas; ia boleh dibahagikan kepada rompakan di ATM, rompakan di kedai serbaneka, rompakan keatas pegerar dadah, dan sebagainya.

**POP menggalakkan pencegahan.** Sama seperti pencegahan kebakaran, pencegahan jenayah adalah pilihan utama dalam usaha untuk memberi tidak balas. Ini menyelamatkan nyawa, masa, dan wang. Mengenalpasti punca masalah, dan struktur peluang yang memudahkan berlakunya jenayah, adalah elemen utama POP. Ini membolehkan agensi mengubah cara mereka bertindak balas terhadap insiden dan mencari pihak berkepentingan daripada

kerajaan serta masyarakat awam bagi membantu menyingkirkan pemudah cara dan pendorong berlakunya jenayah.

**POP melibatkan penyelidikan terhadap tindakan: penganalisis bekerjasama dengan pengamal untuk mereka bentuk intervensi.** Mengambil satu langkah ke belakang untuk memahami masalah sebelum bertindak adalah elemen unik POP. Lebih banyak peronda dan kenderaan yang lebih pantas mungkin dapat membantu anda mengurangkan masalah jenayah dalam jangka masa yang pendek, namun ia berkemungkinan besar akan menelan kos yang tinggi dan mungkin tidak mampu berkekalan. Penganalisis harus bekerjasama dengan pakar dan pengamal mengenai perkara ini untuk memahami masalah, mereka bentuk intervensi dan memantau kesannya sehingga kejayaan dicapai. Kitaran penyelesaian masalah akan diliputi dalam Bahagian 2 panduan ini.

**POP berfungsi bersama strategi lain.** Dalam bidang pengawalan, seperti pekerjaan perlindungan hidupan liar, sebuah agensi lebih cenderung menggunakan gabungan strategi yang berbeza. Ini adalah perkara biasa dan kunci kejayaan bagi memastikan strategi saling menyokong antara satu sama lain. Pusat POP mempunyai ratusan kajian kes yang menunjukkan bagaimana POP diaplikasikan untuk menyelesaikan masalah tanpa mengganggu operasi yang sedang berlangsung.

**Baca lebih lanjut:**

Rujukan 1: Recommended background readings on Problem-Oriented Policing. Center for Problem-Oriented Policing. ([link](#))

Rujukan 2: Scott, J. B. P. and M. S. (2009). *Effective Policing and Crime Prevention: A Problem-Oriented Guide for Mayors, City Managers, and County Executives*. Center for Problem-Oriented Policing. ([link](#))

## Adakah kawalan berorientasikan masalah lebih berkesan?

**Menentukan apa yang berfungsi dalam pengawalan bukanlah sesuatu yang mudah.** Apa yang berfungsi di dalam satu kawasan mungkin tidak berfungsi di kawasan yang lain dan strategi yang mantap mungkin akan gagal juga akibat pelaksanaan yang tidak cekap atau keadaan luaran yang tidak dijangkakan, seperti pandemik global. Meskipun terdapat cabaran, gerakan pengawalan yang berdasarkan bukti akan menggunakan penyelidikan dan eksperimentasi untuk menentukan 'apa yang berfungsi'.

**POP terbukti dapat mengurangkan jenayah, namun tidak bagi pengawalan standard.** Bukti bagi keberkesanan strategi polis dalam mengurangkan jenayah dan gangguan adalah jelas: model pengawalan standard adalah tidak berfungsi. Rondaan pencegahan secara rawak, tindak balas segera dalam menangani panggilan kecemasan, dan peningkatan tangkapan secara umum tidak mengurangkan jenayah<sup>3</sup>. Analisis terbaru dalam pelbagai kajian mendapati POP mengurangkan kadar jenayah dan gangguan dengan signifikan iaitu dengan penurunan sebanyak 34%<sup>4</sup>. Beberapa kajian menggunakan reka bentuk eksperimen yang membuat perbandingan secara langsung, justeru memberikan bukti kukuh bahawa POP dapat mengatasi kawalan standard daripada segi keberkesanan.

**POP dapat menjimatkan sumber.** Dengan penekanan pada penyelesaian yang melibatkan masyarakat, pendekatan berorientasikan masalah membolehkan pembahagian kos sesama rakan kongsi. Analisis masalah memerlukan anda untuk melaburkan masa yang banyak terlebih dahulu sebelum dapat memberikan penjimatan yang lebih besar di kemudian hari kerana masa yang dihabiskan untuk bertindak balas terhadap insiden kian menurun. Keberkesanan kos tidak dilaporkan dalam banyak penilaian saintifik POP, tetapi bagi laporan yang melakukannya, ia jelas menunjukkan bahawa POP telah melakukan penjimatan yang besar terhadap impak kewangan sesuatu jenayah dan juga masa pegawai<sup>4</sup>.

**Penularan faedah berkemungkinan lebih berfungsi daripada perpindahan jenayah.** Kritikan bahawa jenayah pasti akan merebak ke kawasan sekeliling tidak disokong oleh sebarang bukti. Pada hakikatnya, usaha pencegahan jenayah yang difokuskan, seperti POP, mempunyai kesan yang menular. Walaupun perpindahan mungkin terjadi namun terdapat juga kemungkinan besar bahawa faedah kawalan jenayah akan merebak ke kawasan sekeliling<sup>5</sup>, dan bukan hanya masalah jenayah yang lain.

**Baca lebih lanjut:**

Rujukan 1: *What Works in Policing?*. George Mason's Center for Evidence-Based Crime Policy. ([link](#))

Rujukan 2: Hinkle, J. C., Weisburd, D., Telep, C. W., & Petersen, K. (2020). Problem-oriented policing for reducing crime and disorder: An updated systematic review and meta-analysis. *Campbell Systematic Reviews*, 16(2). ([link](#))

Rujukan 3: Goldstein, H., & Scott, M. (2014). Shifting and Sharing Responsibility for Public Safety Problems. *Center for Problem-Oriented Policing*. ([link](#))

## Pernahkah pendekatan berorientasikan masalah digunakan untuk mencegah jenayah hidupan liar?

Membaca ini, anda mungkin berfikir 'hei, saya tahu satu projek yang menggunakan pendekatan yang serupa, pasti ini bukan sesuatu yang baru'. Kami bersetuju sepenuhnya. Penyelesaian masalah telah lama menjadi sebahagian daripada usaha pemuliharaan. Terdapat beberapa contoh yang sangat baik di mana pasukan pegawai hidupan liar, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat setempat telah menyelesaikan masalah perlindungan hidupan liar. Malangnya, dokumentasi kajian kes ini kurang baik, justeru sebarang pengajaran yang dapat dipelajari daripada kedua-dua kejayaan dan kegagalan sukar dicari dan diulang kembali.

Jadual di halaman seterusnya merangkumi empat kajian kes yang kami anggap sebagai perlindungan terhadap hidupan liar yang berorientasikan masalah. Ini menyerlahkan nilai dalam memilih masalah tertentu dan menganalisisnya menggunakan pelbagai sumber maklumat sebelum melaksanakan sesuatu tindakan. Maklum balas yang dipilih dalam setiap kes menasaskan satu atau lebih pendorong dan pemudah cara yang ditemui semasa menganalisis masalah. Kajian kes juga menyerlahkan kemampuan organisasi untuk memfokuskan pada masalah tertentu di samping aktiviti pemuliharaan dan penguatkuasaan.



Kami yakin kajian kes seperti ini, yang dihasilkan melalui penyelesaian masalah secara berstruktur, akan membentuk bukti yang berguna untuk membimbing seorang pengamal.

Semasa anda membaca jadual, cuba bayangkan bagaimana masalah akan berubah sekiranya pendekatan penguatkuasaan undang-undang yang biasa dan tidak berfokus digunakan. Adakah hasil yang sama akan dicapai? Bagaimana jika agensi penguatkuasaan tidak bekerjasama dengan rakan kongsi? Adakah tindak balas yang sama dapat dilakukan?

## Mengapa saya harus mempertimbangkan untuk memulakan projek yang berorientasikan masalah?

Anda mungkin akan mempertimbangkan untuk memulakan sesuatu projek kerana masalah jenayah hidupan liar yang anda hadapi tidak juga berkurangan walaupun setelah bertahun-tahun lamanya. Malah, ia sebenarnya menjadi semakin teruk. Sudah jelas bahawa status quo tidak berfungsi. Terdapat peningkatan terhadap kesedaran mengenai keperluan menerapkan tindak balas yang menyeluruh yang tidak bergantung sepenuhnya kepada penguatkuasaan undang-undang. Pendekatan berorientasikan masalah dapat membantu anda mengatasi beberapa masalah ini.

Kita tidak bersendirian dalam usaha menyokong perlindungan hidupan liar yang berorientasikan masalah. Penyelidikan terbaru menunjukkan bahawa pendekatan khusus berdasarkan masalah disokong oleh renjer-renjer penguatkuasaan undang-undang hidupan liar dan akan membantu memudahkan penyelidikan di antara disiplin dengan lebih baik untuk membimbing proses pembentukan polisi. Dengan memulakan projek anda sendiri yang berorientasikan masalah dan mendokumentasikannya dengan betul, anda akan membantu membina pengkalan bukti bagi apa yang berfungsi di dalam pencegahan jenayah hidupan liar.

### Baca lebih lanjut:

Rujukan 1: Moreto, W. D., & Charlton, R. (2019). Rangers can't be with every elephant: Assessing rangers' perceptions of a community, problem-solving policing model for protected areas. *Oryx*, 1–10. ([link](#))

Rujukan 2: Boratto, R., & Gibbs, C. (2019). Advancing interdisciplinary research on illegal wildlife trade using a conservation criminology framework. *European Journal of Criminology*, 1–22. ([link](#))

## Bagaimana organisasi saya boleh memulakannya?

Walaupun konsep menggunakan pendekatan berorientasikan masalah ini adalah mudah, sebarang pengenalan pendekatan yang baru mungkin mengalami tentangan dan keraguan. Ini adalah baik untuk memulakan projek kecil yang berfokuskan kepada masalah tertentu. Anda mungkin memilih isu yang berat yang telah memakan sumber yang banyak namun masih tidak menunjukkan sebarang hasil. Langkah-langkah anda memulakan dan memastikan projek anda berjalan akan dijelaskan di Bahagian 3 dalam panduan ini. Dalam Bahagian 2, kami akan menerangkan bagaimana untuk memilih dan menangani masalah dengan menggunakan model SARA.

ORGANISASI	IMBAS	ANALISIS	TINDAK BALAS	NILAI
<p><b>Agensi kerajaan:</b> Dinas Perikanan Kabupaten Flores Timur (East Flores Fisheries Agency), East Nusa Tenggara;</p> <p><b>NGOs:</b> Wildlife Conservation Society Indonesia Program; Misool Baseftin</p> <p>Baca lebih lanjut: Booth et al (<i>didalam panduan</i>)<sup>8</sup></p>	<p><b>Memburu pari manta di utara Indonesia, di dorong oleh permintaan insang pari manta yang digunakan di dalam pembuatan ubatan tradisional di seluruh Asia.</b></p>	<p>Sebuah kampung dikenalpasti sebagai tapak utama pemburuan dan pemerdagangan.</p> <p>Pemburuan dilakukan oleh sekumpulan kecil individu yang mempunyai sejarah salah laku yang sama yang didorong oleh penghormatan dan ganjaran kewangan yang tinggi.</p> <p>Aktiviti pemburuan memuncak semasa kehadiran bulan penuh dan anak bulan yang menasaskan kumpulan pari manta.</p>	<p>Rondaan menyasarkan kawasan sasaran pari manta, waktu kemuncak bulanan dan laut berdekatan dengan kampung pemburu.</p> <p>Pendakwaan berat kepada peniaga, disokong oleh latihan kehakiman.</p> <p>Pelbagai intervensi berdasarkan mata pencarian yang menyasarkan pemburu, pemproses daging, dan masyarakat yang lebih luas.</p> <p>Pemantauan komuniti terhadap perikanan dan tangkapan sampingan secara haram.</p>	<p>Tangkapan pari manta berkurang sebanyak~86% pada 2017 berbanding pada permulaan tahun 2013.</p> <p>Beberapa pertukaran taktik memburu dengan jaring insang berlaku.</p>
<p><b>Kumpulan keagamaan:</b> The Nazareth Baptist (Shembe) Church.</p> <p><b>NGOs:</b> Panthera; Peace Parks NGO; Wildlife ACT NGO.</p> <p><b>Perniagaan:</b> Pereka digital, pengilang tekstil dan sebilangan pengedar bersendirian.</p> <p>Baca lebih lanjut: Naude et al (2020)<sup>9</sup></p>	<p><b>Pemburuan harimau bintang untuk dijadikan jubah bulu yang digunakan di dalam upacara tradisional oleh Jemaah Baptisan Nazareth di Afrika Selatan.</b></p>	<p>15,000 kulit harimau bintang dianggarkan berada dikalangan jemaah.</p> <p>Jubah bulu harimau bintang sangat berharga dan mampu bertahan selama 7 tahun. Sebilangan ahli menggunakan kulit tiruan yang lebih murah.</p> <p>Kesedaran yang rendah mengenai situasi ancaman harimau bintang di kalangan jemaah.</p>	<p>Jubah kulit sintetik harimau bintang yang tahan lama dan sangat realistik telah dihasilkan dan diedarkan secara percuma kepada jemaah sebelum beralih ke model perniagaan mandiri.</p> <p>Ini digabungkan dengan kempen pendidikan untuk mengurangkan keinginan bagi mempunyai kulit harimau bintang liar.</p>	<p>Nisbah penggunaan kulit harimau bintang di upacara-upacara menurun sebanyak 50:50 pada 2018.</p>
<p><b>Agensi kerajaan:</b> Nagaland Forest Department; Ministry for the Environment</p> <p><b>NGOs:</b> Nagaland Wildlife and Biodiversity Conservation Trust; Conservation India; Birdlife in India; Wildlife Trust of India</p> <p><b>Kumpulan keagamaan:</b> Nagaland Christian Church leaders</p> <p><b>Societies:</b> Bombay Natural History Society; Amur Falcon EcoClubs</p> <p><b>Majlis kampung:</b> Pangti, Ashaa, Sungro</p> <p>Baca lebih lanjut: Ghosh (2018)<sup>10</sup> Rao (2013)<sup>11</sup></p>	<p><b>Tangkapan besar-besaran helang amur oleh penduduk kampung tempatan semasa migrasi tahunan di empangan Doyang untuk mendapatkan daging murah.</b></p>	<p>Helang yang bermigrasi terperangkap lebih dari 10 hari pada bulan Oktober semasa berkumpul sebelum bermigrasi ke Afrika.</p> <p>Kira-kira 70 kumpulan pemburu haram memerangkap helang menggunakan pukat lama.</p> <p>Perangkap adalah masalah baru yang muncul secara tiba-tiba. Beberapa hubungan budaya terikat dengan amalan dan pasaran sangat dihadkan kepada tiga kampung.</p> <p>Pemburu sangat dipengaruhi oleh keputusan majlis kampung dan pemimpin gereja.</p>	<p>Pegawai Nagaland FD merampas pukat dan menepatkan pengawal disekitar empangan Doyang.</p> <p>Pemimpin gereja mempromosikan mesej bahawa penggunaan helang adalah bertentangan dengan fahaman Kristian.</p> <p>Inisiatif yang menyokong pemburu untuk berubah menjadi pemandu pelancong dan pasukan perlindungan helang.</p> <p>Penubuhan kelab eco dan megalakkan amalan perlindungan helang.</p>	<p>Penangkapan helang berkurang daripada sekurang-kurangnya 120,000 pada 2012 kepada kosong pada 2013 dan pada tahun-tahun seterusnya.</p>
<p><b>Agensi kerajaan:</b> Australian Commonwealth Fisheries Management</p> <p>*nota mereka secara khususnya telah menyesuaikan POP dan menggunakan SARA</p> <p>Baca lebih lanjut: Gibson (2017)<sup>12</sup></p>	<p><b>Memancing secara komersial di kawasan atau pada waktu yang tidak dibenarkan.</b></p>	<p>Nelayan melanggar peraturan dengan gagal memasang sistem pemantauan kapal (VMS) di atas kapal dan / atau mengoperasikannya setiap waktu.</p>	<p>Kumpulan ditubuhkan untuk memantau data VMS.</p> <p>Peningkatan penekanan untuk memeriksa buku log terhadap data VMS dalam tiga hari pendaratan bagi mengenalpasti pelanggaran peraturan.</p> <p>Program sifar toleransi jangka masa pendek yang diperkenalkan memaksa kapal tanpa VMS untuk kembali ke pelabuhan.</p>	<p>Purata kadar pematuhan VMS meningkat daripada 87.5 kepada 97.9 dalam tempoh kajian.</p>

## Bahagian 2: Penyelesaian masalah berdasarkan SARA

Selepas membaca Bahagian 1 panduan ini, anda mungkin berfikir bahawa pengawalan berorientasikan masalah adalah cara yang menarik untuk menangani masalah hidupan liar, namun ianya masih lagi tidak dapat dipastikan bagaimana anda dapat merungkai masalah tersebut dan mencari penyelesaian untuk jangka masa yang panjang. Dalam pengawalan berdasarkan masalah, SARA akan menjadi panduan proses ini; *Scanning* (Mengimbas) – *Analysis* (Analisis) – *Response* (Tindak Balas) – *Assessment* (Penilaian). SARA merupakan panduan asas kitaran penyelesaian masalah yang membantu anda untuk mengenalpasti dan memahami masalah, mengimplementasikan tindak balas yang bersesuaian, dan menentukan sekiranya apa yang anda lakukan adalah berkesan. Dalam Bahagian 2, kami menerangkan bagaimana ianya boleh diterapkan dalam usaha perlindungan hidupan liar dan bagaimana pembaca seperti anda dapat mengaplikasikannya ke dalam urusan harian anda. Kami menggunakan contoh bersifat hipotesis bagi menunjukkan bagaimana cara menggunakan SARA untuk merungkai masalah anda.


### SARA: Gambaran ringkas

Tanpa pendekatan berstruktur untuk menyelesaikan masalah, anda mungkin menghadapi kesukaran dalam mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian. Desakan untuk “mengambil tindakan terhadap masalah yang dihadapi dengan segera”, serta idea “telah menjumpai penyelesaian kepada masalah itu” adalah reaksi normal yang berlaku apabila ditinggalkan tanpa diperiksa akan mengganggu proses penyelesaian masalah. Kesabaran adalah kunci bagi pekerjaan berorientasikan masalah; merungkai isu kompleks akan mengambil masa.



## Pendekatan berorientasikan masalah bergabung bersama, dan memperkukuhkan rancangan pemuliharaan

Organisasi anda mungkin sudah menggunakan rangka kerja rancangan pemuliharaan. Standard terbuka oleh Kerjasama Ukuran Pemuliharaan (Conservation Measures Partnership) adalah antara standard yang paling banyak digunakan. Seperti SARA, ia menekankan keperluan pemahaman mendalam mengenai ancaman tertentu semasa anda merancang dan melaksanakan intervensi. Kitaran dibawah menekankan fasa yang sedikit berbeza tetapi tetap mempunyai kitaran pengurusan adaptif yang sama.



Kerana SARA dicipta untuk membimbing pengawalan berorientasikan masalah, terdapat banyak kajian dan kepakaran mengenai penggunaannya untuk mengurangkan kadar jenayah dan gangguan. Ini berguna ketika menangani masalah perlindungan hidupan liar yang melibatkan individu melanggar peraturan atau melanggar norma sosial. Semasa anda membaca Bahagian 2 panduan ini, tanyakan pada diri anda sama ada idea dan prinsip pengawalan berorientasikan masalah dapat disatukan ke dalam kitaran perancangan anda sekarang.

## Penurunan spesies rusa terancam akibat pemburuan daging

**Hipotetikal**

Populasi spesies rusa yang terancam semakin berkurangan disebabkan oleh peningkatan pemburuan haram; rusa telah menjadi sasaran daging buruan mereka. Di bawah tekanan orang ramai untuk melakukan sesuatu, pengurus kawasan perlindungan meminta anda mengetuai pasukan dan mengenal pasti intervensi yang bersesuaian untuk mengurangkan masalah. Anda memutuskan untuk menggunakan pendekatan berorientasikan masalah oleh SARA.

## Mengimbas: Mengenalpasti, mengutamakan, dan memilih masalah

**Memilih satu masalah.** Bekerja dalam perlindungan hidupan liar, anda akan mengetahui terdapat banyak masalah di dalam kawasan perlindungan anda. Segelintir daripada masalah ini mungkin merupakan aktiviti haram, namun segelintir daripadanya juga mungkin tidak dikategorikan sebagai aktiviti haram seperti masalah spesies invasif serta konflik manusia-hidupan liar. Semasa proses pengimbasan, masalah akan disenaraikan dan diutamakan dan hanya satu masalah akan dipilih oleh pasukan penyelesaian masalah anda untuk diusahakan. Satu masalah mungkin dipilih kerana ianya menyebabkan kerosakan besar kepada populasi, permintaan masyarakat untuk mengambil tindakan ataupun isu berlarutan yang memakan banyak sumber. Dalam pengawalan berorientasikan masalah, masalah boleh didefinisikan sebagai *“satu set peristiwa yang memudaratkan yang berlaku secara berulang kali di dalam satu masyarakat di mana orang awam mengharapkan pihak polis akan menangani masalah ini”*.

**Spesifik bila menentukan masalah anda apabila menetapkan batasan praktikal.** Masalah yang ditentukan dengan terperinci akan membantu anda untuk fokus pada kerja dan penyelesaian akan menjadi lebih mudah untuk diselesaikan dan diukur. Terma ‘Pemburuan’ adalah terlalu luas; “penjeratan untuk daging hidupan liar bagi menjana pendapatan untuk penanaman pokok tembakau” adalah lebih baik. ‘Konflik manusia dan hidupan liar’ juga terlalu luas; ‘pembunuhan singa menggunakan racun bagi membalas dendam terhadap serangan ke atas haiwan ternakan’ adalah lebih baik. Cuba menjadi spesifik terhadap kawasan juga; ‘penjeratan untuk daging hidupan liar bagi menjana pendapatan untuk penanaman pokok tembakau di sepanjang sempadan ladang X, Y dan Z’. Jika anda tidak mengkhususkan masalah, anda maka tindak balas anda yang meliputi kawasan yang terlalu luas mungkin akan menjadi kurang efisien atau tertangguh sekiranya ianya melibatkan bidang kuasa yang berbeza. Fikirkan masalah anda sebagai satu eksperimen. Satu projek berskala kecil yang dirangka dengan baik yang mampu menunjukkan kejayaan yang boleh diukur dan ditambah baik atau direplikasi di kawasan lain.

Pengimbasan anda menunjukkan bahawa pemburuan haram daging hidupan liar adalah satu fenomena yang luas. Terdapat pelbagai jenis pesalah laku yang berbeza, yang menggunakan kaedah yang berbeza, dan membekalkan kepada pasaran yang berbeza. Setelah membuat tinjauan awal, anda mengetahui tiga masalah yang dapat dijelaskan dengan baik:

1. Menjerat rusa bagi mendapatkan daging buruan untuk dijual di restoran di bandar tempatan
2. Menembak rusa dari bumbun untuk kegunaan sendiri oleh pelombong emas haram
3. Memburu rusa menggunakan anjing dan senjata api bagi kegunaan sendiri dan rekreasi oleh penduduk bandar

Data menunjukkan bahawa masalah pertama adalah ancaman terbesar bagi populasi rusa. Walau bagaimanapun, taman perlindungan anda sangat luas dan terdapat cabaran kewangan dan praktikal yang besar untuk melaksanakan intervensi di dalam semua masyarakat. Melangkah ke fasa analisis, anda dan pasukan akan menumpukan fokus ke Sektor Selatan taman.

Masalah dipilih untuk dianalisis

***Penjeratan rusa bagi dagingnya di sektor selatan untuk dijual di restoran di bandar tempatan.***

**Gunakan ujian CHEERS untuk membantu anda fokus.** Apabila mengimbas masalah, ujian CHEERS adalah langkah yang baik untuk menentukan sekiranya masalah anda mempunyai elemen yang diperlukan: *Community* (Masyarakat), *Harm* (Bahaya), *Expectation* (Jangkaan), *Events* (Peristiwa), *Recurrence* (Pengulangan), *Similarity* (Persamaan). Semasa anda menentukan dan mengutamakan masalah, gunakan ujian CHEERS untuk menguji setiap masalah. Bagi yang tidak menepati keperluan, tidak perlu diusulkan kepada peringkat analisis.

	Elemen CHEERS	Penerangan	Masalah Perangkap Rusa	Met?
Hipotetikal: Mengimbas	C Community (Masyarakat)	Anggota masyarakat, organisasi awam, perniagaan, agensi pemerintah, dan / atau hidupan liar dimudaratkan oleh masalah ini.	Populasi rusa liar yang merupakan 'aset' negara, dimudaratkan; oleh itu, pemangsa yang bergantung kepada spesies ini akan berkurangan juga.	X
	H Harmful (Berbahaya)	Kemudaratan itu secara langsung mempengaruhi manusia, hidupan liar atau institusi, menyebabkan kerosakkan, kecederaan, tekanan yang tidak wajar, atau kematian.	Populasi rusa semakin berkurangan, menyebabkan kurangnya mangsa bagi pemangsa. Jerat juga telah mencederakan dan membunuh sejumlah spesies bukan sasaran.	X
	E Expectation (Jangkaan)	Terdapat harapan daripada segelintir anggota masyarakat yang mengatakan pihak berkuasa hidupan liar harus membantu menyelesaikan masalah tersebut.	Masyarakat mengharapkan pihak berkuasa hidupan liar untuk campur tangan selaku pemegang mandat negara untuk melindungi taman dan membanteras pemerdagangan hidupan liar.	X
	E Events (Peristiwa)	Masalahnya terdiri daripada peristiwa yang spesifik yang dapat dijelaskan dan didokumentasikan.	Penjeratan telah diperhatikan dan didokumentasikan oleh pasukan peronda. Daging buruan kerap diiklankan untuk dijual di restoran tempatan.	X
	R Recurring (Pengulangan)	Kejadian itu berlaku lebih daripada sekali. Mereka boleh menjadi kronik, iaitu berulang selama bertahun-tahun, atau secara tiba-tiba, di mana masalah baru akan muncul.	Penjeratan adalah masalah kronik yang telah berlaku selama bertahun-tahun.	X
	S Similarity (Persamaan)	Peristiwa dihubungkan dengan masa dan lokasi ia berlaku, mangsa situasi dan pesalah laku dan kumpulan yang terlibat, atau modus operandi.	Jenis jerat yang digunakan, kawasan buruan, dan restoran yang menawarkan daging buruan menghubungkan peristiwa jerat antara satu sama lain.	X

## Analisis: Menganalisa maklumat, membentuk hipotesis, menetapkan petunjuk

**Menjawab kepada 5 W dan 1 H.** *Who* (Siapa)? *What* (Apa)? *When* (Bila)? *Where* (Di mana)? *Why* (Kenapa)? *How* (Bagaimana)? Dengan berbuat demikian, anda akan mula mengetahui masalah yang anda hadapi, maklumat apa yang perlu dikumpulkan, dan siapa yang perlu dihubungi untuk mendapatkannya. Ini juga akan membantu anda untuk mula mengenalpasti skala masalah tersebut serta impaknya kepada hidupan liar, ekonomi tempatan dan masyarakat setempat.


**Membentuk dan menguji hipotesis.** Semasa anda menambah pemahaman anda terhadap masalah, gunakan pemerhatian untuk membentuk hipotesis mengenai pendorong dan pemudah cara masalah. Kemudian, gunakan maklumat baru untuk menguji hipotesis tersebut. Adakah maklumat baru tersebut dapat menyokong hipotesis anda atau memaksa anda untuk melakukan semakan semula? Proses ini mengelakkan anda daripada tersasar oleh andaian dan juga pengetahuan asas sedia ada.

<b>Hipotetikal: Analisis</b>	<b>Siapa?</b>	<b>Anda belajar tentang pengguna</b>	Melalui penyelidikan dalam talian mengenai iklan restoran, digabungkan dengan wawancara masyarakat, anda mengetahui bahawa pelanggan utama adalah pelancong kaya dari ibu kota, yang memakan daging rusa sebagai tanda kemewahan.
	<b>Mengapa?</b>	<b>Anda belajar apa yang memotivasikan pemburu</b>	Anda mengenalpasti Perkhidmatan Kesihatan Tempatan sebagai rakan kongsi yang berpotensi penting. Semasa perbincangan awal, anda belajar tentang masalah kronik penagihan dadah di kalangan lelaki muda di dalam masyarakat yang berdekatan dengan pinggir hutan. Hasil temu ramah pasca-tangkapan menunjukkan bahawa sebanyak 65% pesalah laku menyatakan bahawa motivasi utama untuk memburu adalah bagi membayar hutang dadah. Data pendakwaan menunjukkan kadar jenayah-semula yang tinggi.
	<b>Bagaimana?</b>	<b>Anda belajar tentang pemilihan senjata- perangkap jerat</b>	Hasil temu ramah dengan peronda dan pemburu yang ditangkap menunjukkan gelungan wayar yang ditinggalkan telah digunakan untuk membuat jerat bermutu tinggi yang sangat berkesan untuk menjerat dan menahan rusa. Anda mengesahkan maklumat ini dengan mengenalpasti 20 timbunan dawai terbiar daripada jenis yang sama seperti yang digunakan bagi membuat jerat.
	<b>Bila?</b>	<b>Anda dapati ianya bermusim</b>	Data rondaan menunjukkan kemuncak aktiviti pemburuan daging buruan adalah pada bulan Ogos dan September. Ini selari dengan musim kemarau dan perayaan tempatan yang menarik banyak pelancong.




**Kenalpasti di mana masalah anda terletak di sepanjang kes jenayah hidupan liar.** Tingkah laku yang meletakkan produk hidupan liar di rantaian bekalan boleh dikategorikan kepada beberapa peringkat. Peringkat tersebut menerangkan peristiwa di mana hidupan liar dijadikan produk untuk penggunaan (diadaptasi daripada <sup>13,14</sup>). Di setiap peringkat, akan terdapat pelaku yang terlibat melakukan tingkah laku tersebut<sup>15</sup>. Kesenambungan jenayah hidupan liar ini didapati bahawa pelaku yang terlibat sering mengaburkan garis di antara peringkat dan kategori pelaku dan ini membawa maksud bahawa segelintir daripada pelaku yang terlibat tidak dapat diperincikan peranannya secara tepat.

**Kenalpasti kelemahan.** Objektif penting untuk fasa analisis adalah untuk mengenalpasti titik kelemahan di sepanjang kesinambungan jenayah hidupan liar di mana anda boleh mencetuskan kegagalan pada peringkat penting. Untuk melaksanakan ini dengan jayanya, anda perlu menentukan motivasi yang mendorong tingkah laku individu yang terlibat (lihat <sup>15</sup>), jenis rangkaian yang digunakan untuk menggerakkan produk (lihat <sup>15,16</sup>), dan fikirkan mengenai mekanisma maklum balas di antara peringkat. Ini merupakan satu tugas besar, justeru dengan mempunyai masalah yang telah dihuraikan dengan baik, ini akan membantu anda untuk mengurangkan kadar kesukaran.



**Menyenaraikan pihak berkepentingan.** Siapa yang berurusan dengan masalah tersebut? Siapa yang akan membantu menyelesaikan masalah tersebut? Di setiap peringkat di sepanjang kesinambungan jenayah hidupan liar, pelbagai rakan kongsi kerajaan dan juga masyarakat setempat yang mempunyai kepakaran tentang perkara ini untuk memberi anda maklumat dan memainkan peranan dalam membentuk campur tangan yang telah diubah suai.



**Menyemak semula definisi masalah.** Setelah menganalisis dengan teliti, anda mungkin perlu mentafsirkan semula masalah anda, atau ia mungkin jelas bahawa masalah yang berbeza namun masih berkait rapat perlu diutamakan terlebih dahulu. Ini perkara yang biasa. Model SARA bukanlah satu garis yang lurus, sebaliknya model ini menyokong peralihan semula ke tahap pengimbasan sekiranya terdapat keperluan.

**Menyediakan ujian ‘sebelum dan selepas’ untuk menentukan sekiranya masalah berkurangan.** Doktor akan mengambil data statistic penting pesakitnya anda sebelum dan selepas memberi rawatan bagi menentukan sama ada rawatan tersebut berjaya atau sekiranya rawatan tersebut memerlukan penyesuaian semula. Perkara yang sama diperlukan jika anda memerlukan sesuatu ukuran yang baik untuk mengenalpasti tahap masalah perlindungan hidupan liar anda sebelum sebarang masalah diterapkan. Ini dikenali sebagai garis dasar dan penting untuk menilai semula sekiranya masalah telah berkurangan.

**Mempertimbangkan semula satu kawalan untuk memastikan tindak balas anda menyebabkan pengurangan.** Apabila menguji sesuatu ubatan yang baru, penyelidik akan membahagikan individu kepada beberapa kumpulan untuk menerima rawatan dan satu kumpulan kawalan yang tidak menerima sebarang rawatan, namun masih dalam pemantauan mengikut perihal yang sama. Ini meningkatkan keyakinan bahawa pemulihan bagi kumpulan yang dirawat adalah semata-mata kerana ubatan yang diberi dan tidak dipengaruhi oleh faktor luaran. Mengenalpasti sesuatu kawalan adalah sukar bagi perlindungan hidupan liar. Namun, ia tidak mustahil. Apabila anda mentakrifkan kawasan rawatan di dalam projek anda, fikirkan mengenai kawasan lain yang mungkin menghadapi masalah yang sama. Adakah kawasan tersebut hampir serupa untuk digunakan sebagai satu kawalan?

Setelah menumpukan masalah anda untuk fokus pada Sektor Selatan taman, anda memutuskan untuk menggunakan Sektor Utara sebagai kawalan. Anda mengenal pasti tiga petunjuk dan menetapkan garis dasar.

Hipotetikal: Analisis	Petunjuk	Penerangan	Kawalan	Rawatan
			Garis dasar Sektor Utara	Garis dasar Sektor Selatan
	<b>Kadar Penemuan Semasa Pembasmian Jerat</b>	Taman ini melakukan penghapusan perangkap secara bulanan di kedua-dua sektor, dengan menyasarkan kawasan yang mempunyai kemungkinan tinggi telah dipasang jerat.	12 jerat per kawasan	26 jerat per kawasan
	<b>Indeks Daging Buruan di Restoran</b>	Kenalan di dalam masyarakat telah mengenalpasti restoran yang menjual daging buruan kepada komuniti di utara dan selatan taman.	25	30
	<b>Populasi Rusa</b>	Pemantauan perangkap kamera secara tahunan dijalankan di kedua-dua sektor.	70-80	50-60

#### Baca lebih lanjut:

Rujukan 1: Clarke, R. V, & Eck, J. E. (2005). *Crime Analysis for Problem Solvers in 60 Small Steps*. Center for Problem-Oriented Policing. ([link](#))

Rujukan 2: *Situational Crime Prevention*. Center for Problem-Oriented Policing. ([link](#))

**Tindak balas: Mengurangkan peluang, meningkatkan risiko, meningkatkan kepatuhan, menjadi lebih fokus**

**Jadi realistik.** Fasa tindak balas adalah apabila anda telah bersetuju dengan tindak balas yang bersesuaian, menyediakan rangka kerja dan menerapkan intervensi yang dipilih. Semasa anda mempertimbangkan kemungkinan, pilih kemungkinan yang tidak terlalu rumit. Bincangkan cadangan intervensi dengan pasukan lapangan untuk mengukur kepraktikalitinya. Cuba dapatkan maklum balas yang dianggap sebagai perubahan positif kepada operasi yang sedang berlangsung.

**Pertimbangkan pencegahan jenayah berdasarkan situasi.** 25 teknik pencegahan jenayah berdasarkan situasi<sup>18</sup> akan memberi rangka kerja yang berguna kepada pasukan anda untuk memikirkan berkenaan pengurangan peluang. Ini dikategorikan secara umum sebagai langkah untuk meningkatkan usaha dan risiko berkait rapat dengan jenayah, mengurangkan ganjaran dan provokasi, dan tidak memberi ruang untuk sebarang alasan. Jadual di bawah menunjukkan bagaimana perihal ini boleh diterapkan ke dalam hipotetikal; lihat juga<sup>19</sup>.

## 25 teknik Pencegahan Jenayah Bersituasi (SCP)

	Meningkatkan Usaha	Meningkatkan Risiko	Mengurangkan Ganjaran	Mengurangkan Provokasi	Menghapuskan Alasan
<b>Hipotesikal: Tindak Balas</b>	<p><b>Menguuhkan pertahanan sasaran</b> Tidak bersesuaian</p>	<p><b>Memperluas kuasa kawalan</b> Melantik warden di dalam masyarakat</p>	<p><b>Menyembunyikan sasaran</b> Tidak bersesuaian</p>	<p><b>Mengurangkan tekanan</b> Geran usahawan dan program mata pencarian alternatif dalam masyarakat utama</p>	<p><b>Tetapkan peraturan</b> Perjanjian kerjasama untuk menuai dan menggunakan hidupan liar</p>
	<p><b>Mengawal akses kepada kemudahan</b> Peningkatan kewaspadaan terhadap pencerobohan, pelanggaran undang-undang, termasuk amaran dan denda</p>	<p><b>Membantu pengawasan semula jadi</b> Talian hangat untuk melaporkan penjualan daging buruan.</p>	<p><b>Melenyapkan sasaran</b> Tidak bersesuaian</p>	<p><b>Elak pertikaian</b> Perjumpaan berkala antara masyarakat dan ketua taman; talian hangat untuk kecemasan</p>	<p><b>Paparkan arahan</b> Paparkan papan tanda dengan peraturan taman sepanjang sempadan taman dan titik akses</p>
	<p><b>Memantau pergerakan keluar masuk</b> Memeriksa kenderaan/motorikal di sepanjang jalan pada waktu malam</p>	<p><b>Kurangkan ketanpanamaan</b> Maklumkan ketua tempatan berkenaan individu dan perniagaan yang terlibat dalam pemerdagangan daging buruan</p>	<p><b>Kenalpasti hakmilik</b> Kit ujian pantas untuk pengenalpastian daging buruan</p>	<p><b>Kurangkan keinginan/rangsangan</b> Aktiviti sosial dan sukan para belia yang berisiko menjadi sasaran pemburu daging buruan</p>	<p><b>Berhati-hati</b> Meletakkan papan tanda di pintu masuk restoran menyatakan daging buruan adalah haram di sisi undang-undang</p>
	<p><b>Menghalang pesalah laku</b> Anjing pengesan ditempatkan di setiap unit pemeriksaan jalan</p>	<p><b>Gunakan pengurus tempat</b> Bekerjasama dengan pemilik restoran untuk tidak menggalakkan penjualan daging buruan</p>	<p><b>Mengganggu pasaran</b> Tutup atau denda restoran yang menyajikan daging buruan</p>	<p><b>Neutralkan tekanan rakan sebaya</b> Program untuk pemburu menunjukkan bakat mereka kearah hasil postif pemuliharaan</p>	<p><b>Permudahkan proses pematuhan</b> Bina rangkaian dan bekalan yang sah serta mampan sebagai alternatif untuk daging rusa</p>
	<p><b>Kawal peralatan/senjata</b> Hapuskan gelungan dawai terbiar yang boleh dijadikan jerat</p>	<p><b>Memperkuatkan pemantauan formal</b> Tingkatkan pemeriksaan mengejut di restoran oleh pegawai kesihatan</p>	<p><b>Menafikan kelebihan</b> Gunakan kempen pengurangan permintaan untuk mengurangkan minat pelancong</p>	<p><b>Tidak menggalakkan peniruan</b> Tingkatkan publisiti untuk aktiviti penguatkuasaan (penangkapan) dan juga alternatif lain (program kawalan hutan)</p>	<p><b>Kawal dadah/alkohol</b> Program penyalahgunaan bahan untuk pemburu dengan masalah ketagihan.</p>

**Pertimbangkan pencegahan secara berfokus.** Langkah ini berkesan terhadap masalah yang disebabkan oleh sekumpulan kecil pesalah laku yang berulang dan telah dikenalpasti<sup>20,21</sup>. Kajian menunjukkan pencegahan yang berfokus mengurangkan kadar jenayah<sup>22</sup> dengan meningkatkan kepastian, kecekapan, dan ketegasan hukuman. Ini juga menyediakan pesalah laku dengan perkhidmatan sosial untuk membantu mereka menjauhkan diri daripada kerjaya jenayah.

**Memberi ganjaran kepada tingkah laku yang mematuhi.** Mencari jalan yang menggalakkan pematuhan, dan pada masa yang sama tidak menggalakkan tingkah laku yang tidak diingini adalah satu kunci. Ingatlah bahawa pelanggar peraturan hanya merangkumi sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan penduduk. Fikirkan dengan teliti bagaimana model 'lobak merah dan tongkat' dapat digunakan untuk mengatasi masalah tersebut.

**Pertimbangkan akibat yang tidak diingini.** Pertimbangkan dengan teliti mengenai kos, faedah dan risiko sebelum mengesyorkan sebarang tindak balas. Ini merangkumi implikasi yang lebih luas daripada intervensi selain mengurangkan masalah seperti kesan terhadap ekosistem, masyarakat, dan pihak berkepentingan yang lain<sup>23</sup>. Sebagai contoh, peningkatan kekayaan daripada program mata pencarian mungkin membolehkan pemburu membeli senjata api atau meluangkan masa mereka untuk memburu dengan lebih kerap<sup>24</sup>.

**Terangkan bagaimana intervensi anda akan mengurangkan masalah.** Letakkan diri anda di tempat pesalah laku. Sekiranya anda melaksanakan intervensi, bagaimanakah perkara ini akan mengubah tingkah laku dan mengurangkan masalah? Dengan memikirkan perkara ini secara terperinci, ia akan membantu anda untuk memutuskan sama ada anda akan menolak atau menyemak semula intervensi sebelum menyalurkan sumber kepadanya.

Setelah mempertimbangkan dengan teliti, anda memutuskan untuk menggunakan pendekatan serampang berbilang mata melalui empat intervensi yang menyasarkan bahagian yang berlainan daripada rangkaian jenayah hidupan liar.


1. **Memperkukuhkan pemantauan formal.** Dipimpin oleh pemeriksa kesihatan bandar, anda meningkatkan pemeriksaan mengejut di restoran tempatan dan menutup tempat yang berulang kali melakukan kesalahan menyajikan daging buruan haram.
2. **Mengawal dadah.** Melalui kerjasama dengan badan kesihatan tempatan dan NGO tempatan, anda memulakan rancangan untuk memasukkan pesalah laku dan anggota masyarakat yang menghadapi masalah ketagihan ke dalam skema pemulihan. Dengan bekerjasama polis setempat dan pemimpin masyarakat pula, anda membuat talian hangat untuk melaporkan aktiviti pengedaran dadah di dalam masyarakat.
3. **Mengurangkan keinginan.** Diketuai oleh NGO tempatan dan pemimpin tempatan, anda mengembangkan rancangan sukan dan aktiviti sosial dengan melibatkan para belia yang kebosanan dan ini akan memaksa pemburu haram mencari mata pendapatan yang alternatif.
4. **Kawalan peralatan dan senjata.** Bersama syarikat pengurusan sisa buangan tempatan, anda mengumpulkan gelungan dawai besi terbiar yang digunakan untuk membuat jerat.

#### Baca lebih lanjut:

Rujukan 1: Scott, M. S. (2017). *Focused Deterrence of High-Risk Individuals*. Center for Problem-Oriented Policing. ([link](#))

Rujukan 2: Brown, R., & Scott, M. S. (2007). *Implementing Responses to Problems*. Center for Problem Oriented Policing. ([link](#))

Salah satu intervensi anda berfokuskan kepada pengawalan akses dawai besi yang digunakan untuk membuat jerat. Anda melakar gambar rajah bagaimana intervensi ini dapat mengganggu pemburu haram dan mengenalpasti petunjuk yang akan mengujinya. Fikiran logik anda menunjukkan bahawa pengawalan dawai besi adalah langkah yang murah untuk menyebabkan gangguan namun ia masih tidak akan mencukupi. Anda perlu menjangkakan pemburu haram akan menyesuaikan diri.



**Kemungkinan kesan perpindahan**

Jangkakan untuk melihat kaedah baru bagi menangkap rusa ketika pemburu haram bereksperimen dengan alternatif lain untuk menjerat. Berwaspada terhadap peningkatan dalam kes tembakan dan rejaman.

**Kemungkinan penularan faedah**

Jerat menyebabkan kematian yang tinggi bagi spesies bukan sasaran. Mengurangkan jerat dawai di taman akan memberikan manfaat kepada populasi penting mamalia bertubuh besar. Jerat di sektor Utara juga mungkin dapat berkurangan seiring dengan penurunan bekalan dawai.

## Penilaian: Pemantauan pelaksanaan, pengukuran kesan, penyesuaian seperti yang diperlukan

Menuntut kejayaan dalam projek berorientasi masalah memerlukan anda mengajukan dua soalan asas: Adakah masalah tersebut berkurangan? Sekiranya ya, sejauh mana tindak balas anda menyebabkan penurunan tersebut?<sup>2</sup>. Petunjuk yang telah dikenalpasti dan telah diikuti akan membolehkan anda untuk menjawab soalan-soalan ini. Carta alir di bawah menggambarkan bagaimana cara anda berfikir melalui penilaian tindak balas anda dan implikasi terhadap pekerjaan di masa hadapan; dicipta semula daripada<sup>25</sup>.



**Menilai bagaimana anda melaksanakan dan menyesuaikan projek anda.** Intervensi sering gagal kerana pelaksanaan yang tidak cekap dan bukan kerana idea itu sendiri mempunyai kekurangan. Nilai semula cara anda melaksanakan intervensi dan kaji semula dari masa ke masa setelah anda menyesuaikan diri dengan segala halangan.

**Bahagikan maklumat mengenai impaknya.** Mengukur impak dalam perlindungan hidupan liar adalah sukar kerana 'masalah mangsa senyap'<sup>13</sup>. Tidak seperti mangsa manusia, hidupan liar tidak dapat melaporkan jenayah atau memberitahu sekiranya keadaan menjadi lebih baik. Kesemua petunjuk yang digunakan untuk mengukur masalah tidak akan lari daripada sikap berat sebelah dan pembatasan. Setiap petunjuk jarang memberitahu anda sekiranya tindak balas anda berjaya. Membandingkan pelbagai petunjuk daripada sumber yang berbeza yang dikumpulkan melalui kaedah yang berbeza, ini dapat mengatasi beberapa petunjuk tunggal yang mempunyai sifat berat sebelah. Triangulasi ini meningkatkan kesahihan dan kredibiliti penemuan anda.

**Mendokumentasikan dan menyebarkan.** Sekiranya di dokumentasikan dengan betul, kajian kes anda dapat digunakan untuk mendorong pembentukan tindak balas terhadap masalah yang serupa serta sebagai satu modul latihan untuk penyelesaian masalah baru. Bahkan ia dapat dikongsi secara meluas agar organisasi lain dapat menyesuaikan pendekatan yang serupa.




Penilaian anda mendapati tidak semua pelaksanaan anda berjalan lancar. Pemeriksaan mengejut di restoran menunjukkan kejayaan yang terhad pada awalnya, dengan pemeriksa kesihatan yang kurang berminat. Tetapi, dengan kerjasama pemeriksa, anda mencipta satu kaedah untuk melakukan pemeriksaan mengejut yang kelihatan rawak setelah mendapat maklumat bahawa daging buruan telah digunakan dan mereka akan mula menyokong projek ini.

Sepanjang tahun ini, Kementerian Kesihatan melakukan sepuluh pemeriksaan mengejut, dan menggantung lesen tujuh pemilik restoran. Ini disertakan dengan siaran ke media tempatan dan kempen pemesejan kepada pemilik restoran dengan menjelaskan hukuman akibat menjual daging buruan.

12 pesalah laku dan 20 belia daripada masyarakat mendaftar dalam program pemulihan; polis menahan tiga pengedar dadah hasil daripada maklumat yang disalurkan di talian hangat. Melalui penglibatan anda dalam hal ini, anda membina hubungan pekerjaan yang lebih erat bersama pemimpin masyarakat.

Petunjuk menunjukkan masalah menurun di sektor Utara dan Selatan, mencadangkan faktor lain mungkin menyumbang kepada penurunan, atau mungkin ada penularan faedah jika pemburu haram di masyarakat utara juga menggunakan gelungan dawai yang sama untuk menjerat. Walau bagaimanapun, penurunan blok rawatan anda (Sektor Selatan) jauh lebih ketara daripada kawalan anda. Ini menunjukkan bahawa tindak balas anda telah menyebabkan penurunan masalah.



	Sektor Utara (Kawalan)		Sektor Selatan (Rawatan)	
	Penanda aras	% perubahan	Penanda aras	% perubahan
<b>Kadar Penemuan Semasa Pembasmian Jerat</b>	12 jerat per kawasan	Kurang 17%	26 jerat per kawasan	Kurang 42%
<b>Indeks Daging Buruan di Restoran</b>	25	Kurang 20%	30	Kurang 57%
<b>Populasi Rusa</b>	70-80	Tiada perubahan	50-60	Tiada Perubahan

**Baca lebih lanjut:**

Rujukan 1: Eck, J. E. (2017). *Assessing Responses to Problems: Did It Work? An Introduction for Police Problem-Solvers*. Center for Problem-Oriented Policing. ([link](#))

Rujukan 2: *Crime Reduction Tool Kit and EMMIE*. College of Policing. ([link](#))

## Bahagian 3: Memulakan projek berorientasikan masalah anda sendiri.

Bahagian 1 dan 2 panduan ini telah memperkenalkan anda kepada pendekatan berorientasikan masalah dan bagaimana SARA dapat merungkai proses ini. Sekarang anda mungkin berfikir 'ini kedengaran seperti benda yang baik, tetapi saya mungkin perlukan lebih perincian mengenai mekanisma yang terlibat dan di mana saya perlu memulakannya. Dalam Bahagian 3, panduan ini akan menerangkan enam komponen utama yang anda perlukan sebagai permulaan dan sedikit garis panduan mengenai cara pengaplikasian komponen ini pada operasi organisasi anda dari hari ke hari.

Ia akan membantu sekiranya anda memahami bagaimana individu lain mampu menjayakan projek berorientasikan masalah dengan jayanya. Sumber yang menerangkan bagaimana langkah-langkah untuk mengimplementasi dan mengekalkan projek POP di dalam agensi pengawalan adalah sumber rujukan yang berguna bagi Bahagian 3 panduan ini<sup>26,27</sup>.

### Baca lebih lanjut:

Rujukan 1: *Implementing POP: Leading, Structuring, and Managing a Problem-Oriented Police Agency*. Center for Problem-Oriented Policing. ([link](#))

Rujukan 2: Sidebottom, A., Kirby, S., Tilley, N., Armitage, R., Ashby, M., Bullock, K. and Laycock, G. (2020). *Implementing and sustaining problem-oriented policing: A guide*. Jill Dando Institute of Security and Crime Science, University College London. ([link](#))

## Komponen 1. Kumpulan penyelesaian masalah


**Memberi semula tugas dan memilih kumpulan anda.** Pendekatan berorientasikan masalah menekankan penggunaan kakitangan sedia ada secara produktif berbanding mengambil pekerja baru. Tidak semua orang bekerja secara produktif selama lapan jam sehari, lima hari seminggu, dan jika kakitangan anda terlalu fokus untuk bertindak balas terhadap ancaman, mereka mungkin akan menjadi terlalu sibuk. Nilai semula bagaimana waktu kakitangan anda digunakan dan peruntukkan jangka masa seminggu bagi kakitangan tertentu untuk memberi tumpuan kerja terhadap masalah utama. Gabungan kemahiran, kemampuan dan pengalaman akan menjadikan pasukan ini serba lengkap, yang merangkumi renjer barisan depan, pengurus barisan dan pembuat keputusan. Mereka tidak perlu menjadi pakar dalam masalah ini, namun mereka perlu mampu untuk mempertimbangkan maklumat, membuat dan mencabar hipotesis, dan menginovasikan jalan penyelesaian.

**Mewakulkan jawatankuasa untuk membuat keputusan.** Pasukan anda akan memerlukan jawatankuasa untuk menarik minat agensi dan rakan kongsi, mengumpulkan maklumat, dan kemudiannya membuat perancangan bersama rakan kongsi untuk membentuk intervensi. Pastikan pihak berkuasa ini ditubuhkan lebih awal dan mempunyai penyampaian yang jelas di antara kakitangan.

**Latih pasukan dan pengurus barisan anda dalam pendekatan berorientasikan masalah.** Melatih kakitangan dari awal dalam kemahiran menyelesaikan masalah dan pencegahan jenayah adalah penting. Periksa peluang latihan dengan institusi akademik atau jabatan polis yang telah menerapkan pendekatan ini.

## Komponen 2. Maklumat

**Mengakses maklumat daripada pihak berkuasa hidupan liar anda.** Setiap bahagian organisasi anda berkemungkinan besar mempunyai pengkalan data tersendiri, dan beberapa data daripada setiap organisasi adalah penting untuk analisis anda. Dalam gambar rajah di bawah, pengkalan data digambarkan sebagai 'tin-tin data' yang berasingan. Di bawah tin data, 'kumpulan titisan data' digambarkan sebagai produk analitik yang tidak mungkin dapat dihasilkan daripada tin data secara individu. Dengan menggabungkan ketiga-tiga tin data ini, anda akan mula melihat bagaimana produk hasil tangkapan dapat menghubungkan kaedah memburu yang digunakan di taman, dan bagaimana ini berkait rapat dengan spesies sasaran yang ada. Penggabungan tin data boleh menjadi sukar kerana secara amnya ia bermaksud penambahan kerja bagi pengurus pengkalan data untuk mencari data dan mengeksport data kepada pasukan. Namun, ianya penting bagi projek untuk berjaya. Pasukan penyelesaian masalah anda akan memerlukan sokongan pengurusan kanan senior untuk mengakses data.



**Dapatkan maklumat daripada agensi dan organisasi lain.** NGO, kumpulan masyarakat awam, dan agensi kerajaan lain di kawasan anda mungkin juga mempunyai pengkalan data mereka yang tersendiri. Sebahagian maklumat ini mungkin berguna bagi anda, tetapi perkongsian data adalah tidak mudah; proses ini sering dijejaskan oleh kebimbangan mengenai kepekaan operasi dan keselamatan data. Kadang kala ini adalah wajar, namun ia juga boleh menjadi alasan untuk tidak berkongsi. Titisan data membolehkan anda membuat langkah kecil. Bermula dengan data spesifik yang berkait dengan dengan set-set data tertentu, dan menggabungkan data yang perlu bagi satu projek, akan membantu anda mengatasi ketidakrelaan satu institusi untuk berkongsi data. Perkongsian data secara selektif hasil perbincangan dengan pasukan penyelesaian masalah dan pengurus barisan boleh memulakan proses kerjasama. Pada masa akan datang, perkongsian ini boleh diperluaskan berdasarkan perjanjian yang akan dibentuk.

**Cari cara untuk sanitasi maklumat.** Proses sanitasi membantu perkongsian maklumat di seluruh agensi atau sesama kakitangan yang mempunyai pelepasan keselamatan yang lebih rendah. Sejarah data yang secara operasinya tidak sensitif dapat membantu menggambarkan bagaimana masalah telah berubah dari masa ke masa.

**Kumpulkan data secara proaktif.** Tidak ada pengganti untuk ahli pasukan penyelesaian masalah yang turun padang untuk merasai sendiri lokasi dan tetapan yang berbeza daripada perspektif pesalah laku atau pegawai hidupan liar. Ini menambah konteks pada titisan data dan laporan. Antara cara-cara untuk pasukan anda memulakan pengumpulan maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- *Penyelidikan sumber terbuka.* Banyak pengumpulan maklumat dapat dilakukan sebelum meninggalkan pejabat. Pencarian di internet secara teliti mungkin akan menunjukkan kajian yang telah dilakukan mengenai masalah yang ingin anda atasi, serta maklumat untuk berhubung dengan penulis yang mampu memberikan data atau pandangan yang berguna kepada anda. Sedia maklum bahawa, banyak maklumat sumber terbuka untuk Sistem Maklumat Geografi yang dapat membantu menambahkan konteks ke tempat-tempat di mana masalah itu berlaku.
- *Persediaan asas di tempat kejadian.* Meneliti di mana pemburuan haram dilakukan dan kemudahan yang digunakan, atau di mana anda mengalami konflik di antara hidupan liar dan manusia berulang, akan membantu anda membentuk fikiran mengenai masalah dan apakah persamaan yang berulang dari segi lokasi dan taktik. Minta pegawai lain menghubungi anda sekiranya terdapat kejadian baru yang berkaitan dengan masalah anda supaya anda dapat melihat keadaan di lokasi kejadian ketika ianya masih baru.
- *Mengikuti rondaan.* Menghabiskan masa sebagai pemerhati rondaan membantu anda memahami daripada perspektif mereka mengenai bagaimana keputusan dibuat dan sejauh mana keberkesannya dalam menangani masalah tersebut.
- *Temu ramah pesalah laku.* Dipenjara, baru ditangkap, atau bekas pesalah laku dapat memberikan banyak maklumat untuk memahami bagaimana dan apakah masalah anda. Individu ini juga boleh memberikan komen mengenai mengapa operasi semasa mungkin tidak berkesan.

- *Luaskan rangkaian anda.* Dorong diri anda untuk melihat ke luar rangkaian kenalan terdekat anda. Sifat kompleks masalah anda mungkin memerlukan anda untuk berhubung dengan individu yang mempunyai pekerjaan dan latar belakang yang berbeza sama sekali. Jangan takut untuk meninggalkan zon selesa 'penguatkuasaan undang-undang', 'pemuliharaan' atau 'kriminologi' anda.

### Komponen 3. Kapasiti analitik

**Melabur untuk penganalisis terlatih.** Penyelesaian masalah memerlukan analisis, jadi anda memerlukan penganalisis yang berdedikasi dalam pasukan anda. Soalan biasa adalah "kemahiran apa yang diperlukan oleh penganalisis?" Penganalisis tidak semestinya pakar dalam segala hal, tetapi mereka seharusnya boleh bekerja dengan sumber maklumat dan teknik analitik yang berbeza. Mereka akan menerima manfaat daripada teori asas pembentukan dan pencegahan jenayah. Lebih penting lagi, penganalisis perlulah berfikiran kritis dan mempunyai sifat ingin tahu. Pengurus barisan memainkan peranan penting dalam melindungi masa penganalisis daripada menerima permintaan daripada kakitangan lain. Justeru, ini dapat memastikan mereka fokus pada masalah tersebut.

**Mengaturkan tugas analisis diskrit yang boleh dilakukan menggunakan sumber luar.** Sekiranya penganalisis dalaman anda terbeban dengan kerja, pertimbangkan untuk mengatur beberapa soalan pilihan yang boleh dilakukan oleh sumber luar. Institusi akademik dan NGO mempunyai kapasiti analitik yang besar dan sering bersedia untuk mengerjakan tugas bagi menyokong inisiatif pemuliharaan yang mempunyai kepentingan bersama. Membincangkan soalan utama penyelidikan dan membuat pertukaran data yang disahkan dengan rakan penyelidikan anda boleh menjadi satu kaedah yang berkesan untuk memajukan projek anda.

### Komponen 4. Rakan kongsi

**Galakkan dan sokong kolaborasi di antara agensi.** Semasa pasukan anda memahami dengan lebih mendalam mengenai masalah ini, anda akan dapat mengenalpasti individu, perniagaan dan organisasi yang paling sesuai untuk campur tangan dalam mengurangkan masalah anda dan bukan hanya mengharapkan pihak berkuasa hidupan liar sahaja. Membentuk hubungan kerjasama dengan agensi lain dan kumpulan masyarakat awam akan menjadi lebih mudah apabila kakitangan penyelesaian masalah diberi kuasa untuk terlibat dan menyusun strategi pengurangan masalah yang saling menguntungkan.

**Galakkan penyelesaian pencegahan jenayah yang baru untuk tempoh jangka masa yang panjang.** Perkongsian membolehkan anda mengakses kepakaran yang mungkin tidak dimiliki oleh pihak berkuasa hidupan liar anda serta membenarkan intervensi yang lebih inovatif dan berkekalan. Perkongsian juga membantu anda mengatasi batasan mandat anda.

## Komponen 5. Pengurusan

**Tetapkan kebertanggungjawaban lebih awal.** Berwaspada agar tidak kembali ke rutin kerja lama dengan membuat tanggungjawab dan penyampaian projek menjadi lebih jelas sejak awal lagi. Projek berorientasikan masalah yang terbuka berisiko untuk tersasar. Ini amat penting jika pasukan anda mempunyai individu yang berasal daripada cabang yang berbeza di dalam lingkungan pihak penguatkuasa hidupan liar yang melaporkan kepada pengurus barisan yang berbeza. Pastikan anda mempunyai pemimpin yang menetapkan garis masa yang realistik untuk projek ini dan memastikan pasukan mempunyai kepakaran dan sokongan yang diperlukan untuk berjaya.

**Cari dan dapatkan kejayaan yang pantas.** Kejayaan yang pantas adalah pencapaian yang akan membantu anda dan pasukan anda membina momentum dalam projek baru. Mengetahui bahawa penyelesaian masalah akan memerlukan masa dan kesabaran, adalah penting untuk anda mencari tugas yang menunjukkan nilai pendekatan anda sejak awal. Bolehkah anda menghasilkan 1 halaman lembaran fakta mengenai masalah tersebut? Lakukannya. Bolehkah anda bercakap dengan pegawai dan masyarakat mengenai masalah tersebut secara tidak rasmi? Lakukannya. Kejayaan yang pantas tidak harus menjadi intervensi; ia membolehkan perkongsian beberapa analisis awal kepada rakan projek yang telah menyumbang kepada perkongsian data. Sebagai contoh, analisis data mata pencarian alternatif oleh NGO dan data tangkapan anda sendiri mungkin akan menunjukkan bahawa NGO tersebut tidak melaburkan ke dalam kampung di mana kebanyakan pemburu haram berasal. Memberi hasil analisis pada peringkat awal akan mengelakkan khabar angin bahawa rakan kongsi anda telah berkongsi maklumat yang tidak mendatangkan faedah dan tidak memberi pulangan. Membentuk saluran komunikasi di peringkat projek adalah kunci untuk kejayaan yang pantas.

**Sokong pasukan penyelesaian masalah anda.** Projek ini memerlukan pemantauan dan pemeriksaan yang berkala untuk memastikan pasukan berada di landasan yang betul dan terus maju ke hadapan, dan sebarang cabaran boleh dikenalpasti dengan lebih awal dan disingkirkan. Projek berorientasikan masalah boleh gagal apabila semangat pengurusan senior merudum dan rintangan pentadbiran tidak dihapuskan. Pengurus barisan harus mengadakan pertemuan yang kerap dengan penyelesaian masalah bagi membincangkan perkembangan projek:

- *Meneliti penemuan dan tafsiran*
- *Nilai semula kemampuan dan kepakaran yang diperlukan untuk berjaya*
- *Menyelaras dan menyahkonflikkan kerja pasukan dengan projek lain*
- *Memastikan bahawa tindak balas yang dicadangkan selari dengan kod etika dan misi keseluruhan pihak berkuasa hidupan liar*
- *Memastikan garis komunikasi jelas dan digunakan dengan berkesan bagi pihak berkuasa dan pihak luar*

**Kemas kini rakan sekerja sepanjang projek.** Mesyuarat kakitangan tidak rasmi atau persembahan penyelesaian masalah yang lebih formal adalah forum untuk melibatkan anggota pihak berkuasa hidupan liar anda yang lain. Menggalakkan pasukan penyelesaian masalah anda untuk berkongsi penemuan dan membincangkan pendekatan sepanjang projek akan menarik minat kakitangan lain yang kemudiannya akan diminta untuk menyokong atau berkongsi data. Perkongsian secara berkala mengekalkan momentum projek dan semangat kakitangan, dan ini menjadikannya lebih mudah untuk membina projek berorientasikan masalah kedua. Kakitangan di luar pasukan penyelesaian masalah anda boleh membawa idea baru dan memeriksa andaian yang dibuat oleh pasukan anda, serta membantu anda mencari dan mengelakkan kesalahan.

**Menilai prestasi pekerja dalam menyelesaikan masalah.** Petunjuk prestasi kakitangan sering menumpukan pada proses seperti jerat yang ditarik, rondaan kilometer atau laporan yang ditulis. Menilai dan mempromosikan staf berdasarkan kebolehan dalam menyelesaikan masalah akan membantu anda untuk memulakan proses penerapan pendekatan ini di dalam organisasi anda. Petunjuk untuk penilaian anggota kakitangan dalam pasukan penyelesaian masalah boleh merangkumi:

- Penyelesai masalah mengenalpasti intervensi yang menangani punca masalah dan bukan merupakan sambungan tindak balas yang reaktif.
- Penyelesai masalah mengenalpasti campur tangan yang tidak hanya bergantung pada kemampuan pihak berkuasa hidupan liar, dan mendapati kawasan saling bertindih dengan rakan kongsi.
- Penyelesai masalah dapat menyampaikan logik dengan jelas bagaimana intervensi yang dipilih akan menyebabkan pengurangan masalah.
- Penyelesai masalah menilai kekuatan dan kelemahan intervensi yang berbeza secara menyeluruh.
- Penyelesai masalah menganggap perpindahan jenayah dan kesan negatif yang tidak disengajakan serta mengenalpasti bagaimana perkara ini dapat dikurangkan.

## Komponen 6. Ulasan

**Dokumentasikan kajian kes anda.** Penilaian adalah elemen kritikal dalam proses SARA. Semua projek yang berorientasikan masalah seharusnya akan mendalami pemahaman anda mengenai cara pendekatan dapat diterapkan oleh pihak berkuasa hidupan liar anda. Templat penyerahan Anugerah Herman Goldstein adalah siri soalan yang berguna yang dapat membimbing anda melalui proses dokumentasi. Menerbitkan kajian kes anda secara mendalam akan memberikan rujukan penting untuk kumpulan penyelesaian masalah seterusnya.

**Belajar daripada kegagalan dengan menerimanya, bukan menyembunyikannya.** Tidak semua projek berorientasikan masalah dijamin kejayaannya dalam mengurangkan masalah jenayah hidupan liar anda. Ia bukan satu masalah namun faktor kegagalan perlu dinilai semula, didokumentasikan dan penemuan dikongsi untuk mengelakkan kesalahan yang sama berulang.

**Berkongsi pengajaran yang dipelajari dengan pihak berkuasa hidupan liar anda dan pihak luar.** Pasukan penyelesaian masalah dapat memberikan pembentangan mengenai kerja mereka kepada rakan sekerja atau mentor kumpulan penyelesaian masalah yang seterusnya. Melakukan perkara yang sama dengan rakan kongsi semasa dan juga rakan kongsi yang akan datang adalah penting. Menghantar penyelesai masalah anda untuk hadir di persidangan antarabangsa seperti Kongres Konservasi Sedunia atau Kongres Renjer Sedunia, dan menyerahkan kajian kes anda ke Pusat Anugerah Herman Goldstein Pusat Berorientasikan Masalah adalah langkah penting yang perlu diambil.

### Menggabungkan komponen: Kata semangat

Bagi pembaca yang bersedia untuk menjalankan projek yang berorientasikan masalah setelah membaca panduan ini, kami mengucapkan semoga berjaya. Renungilah dengan pepatah lama, 'penyelesai masalah dibentuk dan bukan dilahirkan'. Anda dan rakan sekerja anda mungkin mengalami kekecewaan di sepanjang jalan menuju kejayaan. Belajar daripada jatuh bangun projek anda, dan kongsi pengalaman ini bersama orang lain, sehingga kita semua dapat belajar bersama-sama. Nilai koleksi kes kajian berorientasikan masalah mengenai pencegahan hidupan liar tidak boleh dipandang rendah. Projek-projek kecil ini akan membantu menggerakkan kita ke arah pemahaman yang lebih baik mengenai apa yang berfungsi dan apa yang tidak berfungsi di dalam usaha perlindungan hidupan liar.



## Komponen Penting bagi Projek Berorientasikan Masalah

Komponen	Bagaimana untuk menjayakannya	Tanda-tanda anda berada di landasan yang betul
1 Pasukan penyelesaian masalah	<p><b>Tugaskan semula</b> kakitangan untuk ditetapkan sebagai penyelesaian masalah.</p> <p><b>Mewakulkan</b> kuasa membuat keputusan.</p> <p><b>Melatih</b> pengurus dan penyelesaian masalah dalam teknik penyelesaian masalah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah penyelesaian masalah anda mempunyai pengurusan yang jelas?</li> <li>• Adakah penyelesaian masalah anda mempunyai masa yang mencukupi untuk memulakannya?</li> <li>• Adakah penyelesaian masalah dan pengurus barisan anda telah menjalani latihan formal dalam mengenalpasti dan menganalisis masalah?</li> <li>• Adakah penyelesaian masalah anda mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk bermula?</li> </ul>
2 Maklumat	<p><b>Akses Maklumat</b> daripada pihak berkuasa hidupan liar anda sendiri</p> <p><b>Akses Maklumat</b> daripada agensi dan organisasi lain</p> <p>Sokong pengumpulan maklumat <b>proaktif</b>.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah penyelesaian masalah anda menggunakan pelbagai sumber maklumat?</li> <li>• Adakah pasukan mempunyai kemahiran dan masa untuk menggabungkan dan membahagi perkongsian data?</li> <li>• Adakah pasukan telah mengenalpasti jurang pengetahuan dan mengembangkan strategi untuk mengisi jurang tersebut?</li> </ul>
3 Kapasiti analitik	<p><b>Melabur</b> dalam penganalisis terlatih.</p> <p><b>Menyumberkan</b> projek analisis diskrit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah pasukan anda mempunyai akses sedia ada ke atas sokongan analitik atau kakitangan?</li> <li>• Adakah penganalisis anda mempunyai kepakaran yang diperlukan?</li> <li>• Adakah penganalisis anda mempunyai masa yang cukup untuk mengerjakan projek tersebut?</li> </ul>
4 Rakan Kongsi	<p>Galakkan dan <b>menyokong kolaborasi</b> di antara agensi.</p> <p>Galakkan <b>penyelesaian pencegahan</b> jenayah yang baru dan berkekalan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah anda mengenalpasti rakan kongsi yang juga menghadapi masalah sama? Adakah mereka sanggup menolong?</li> <li>• Apakah rintangan yang mungkin berlaku untuk kolaborasi dan adakah anda telah mengurangkannya?</li> <li>• Adakah masa yang diperlukan untuk kolaborasi di antara agensi dipertimbangkan dalam aliran kerja dan hasil yang diharapkan?</li> <li>• Adakah tahap motivasi dan sumber yang diperlukan untuk respons anda berkekalan?</li> </ul>
5 Pengurusan	<p>Tetapkan <b>kebertanggungjawaban</b> lebih awal.</p> <p>Cari dan dapatkan <b>kejayaan yang pantas</b>.</p> <p><b>Sokong</b> pasukan penyelesaian masalah anda.</p> <p><b>Kemas kini</b> rakan sekerja.</p> <p><b>Nilai semula prestasi</b> pekerja dalam menyelesaikan masalah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah penyelesaian masalah dan pengurus barisan mempunyai penyampaian projek yang jelas?</li> <li>• Adakah pengurus barisan projek mengadakan pertemuan secara berkala dengan pasukan?</li> <li>• Adakah pasukan telah mengenalpasti kejayaan yang pantas yang akan membina momentum projek pada di awal proses?</li> <li>• Adakah anda mempunyai sistem penilaian prestasi kakitangan yang memberi penghargaan kepada kemampuan menyelesaikan masalah?</li> </ul>
6 Ulasan	<p><b>Dokumentasikan</b> kajian kes anda.</p> <p><b>Berkongsi</b> pembelajaran bersama pihak berkuasa hidupan liar anda dan pihak luar.</p> <p><b>Belajar daripada kegagalan</b> dengan menerimanya, bukan menyembunyikannya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah kajian kes diterbitkan dan disediakan untuk semua kakitangan penguatkuasa hidupan liar anda?</li> <li>• Adakah anda telah berkongsi hasil projek anda dengan mana-mana agensi luar?</li> <li>• Adakah digalakkan untuk melaporkan kegagalan dan penyesuaian agar pihak lain dapat belajar?</li> </ul>

## Rujukan

1. Game, E. T., Meijaard, E., Sheil, D. & McDonald-Madden, E. Conservation in a wicked complex world; challenges and solutions. *Conserv. Lett.* **7**, 271–277 (2014).
2. Clarke, R. V & Eck, J. E. *Crime Analysis for Problem Solvers in 60 Small Steps*. (Center for Problem-Oriented Policing, 2005).
3. Skogan, W. & Frydl, K. *Fairness & effectiveness in policing: The evidence*. (National Research Council, 2004).
4. Hinkle, J. C., Weisburd, D., Telep, C. W. & Petersen, K. Problem-oriented policing for reducing crime and disorder: An updated systematic review and meta-analysis. *Campbell Syst. Rev.* **16**, (2020).
5. Bowers, K., Johnson, S., Guerette, R. T., Summers, L. & Poynton, S. Spatial Displacement and Diffusion of Benefits Among Geographically Focused Policing Initiatives. *Campbell Syst. Rev.* **7**, 1–144 (2011).
6. Moreto, W. D. & Charlton, R. Rangers can't be with every elephant: Assessing rangers' perceptions of a community, problem-solving policing model for protected areas. *Oryx* 1–10 (2019) doi:10.1017/S0030605318001461.
7. Boratto, R. & Gibbs, C. Advancing interdisciplinary research on illegal wildlife trade using a conservation criminology framework. *Eur. J. Criminol.* 1–22 (2019) doi:10.1177/1477370819887512.
8. Booth, H. *et al.* An integrated approach to tackling wildlife crime: impact and lessons learned from the world's largest targeted manta ray fishery. *Under Rev.* (2020).
9. Naude, V. N. *et al.* Longitudinal assessment of illegal leopard skin use in ceremonial regalia and acceptance of faux alternatives amongst followers of the Shembe Church, South Africa. *Ecol. Soc. in review*, 1–16 (2020).
10. Ghosh, S. A Naga village's journey from hunting ground to safe haven for the Amur falcon. *Mongabay* (2018).
11. Rao, K. How three Indian villages saved the Amur falcon: A new grassroots conservation model takes root. *The Guardian* (2013).
12. Gibson, M. C. G. Problem-Oriented Policing for Natural Resource Conservation. *Conserv. Criminol.* 115–131 (2017) doi:10.1002/9781119376866.ch7.
13. 't Sas-Rolfes, M., Challender, D. W. S., Hinsley, A., Veríssimo, D. & Milner-Gulland, E. J. Illegal Wildlife Trade: Scale, Processes, and Governance. *Annu. Rev. Environ. Resour.* **44**, 201–228 (2019).
14. Moreto, W. D. & Lemieux, A. M. From CRAVED to CAPTURED: Introducing a Product-Based Framework to Examine Illegal Wildlife Markets. *Eur. J. Crim. Policy Res.* **21**, (2015).
15. Phelps, J., Biggs, D. & Webb, E. L. Tools and terms for understanding illegal wildlife trade. *Front. Ecol. Environ.* **14**, 479–489 (2016).
16. Bichler, G., Malm, A. & Cooper, T. Drug supply networks: A systematic review of the organizational structure of illicit drug trade. *Crime Sci.* **6**, (2017).
17. Bennett, E. L. Another inconvenient truth: The failure of enforcement systems to save

- charismatic species. *Oryx* **45**, 476–479 (2011).
18. Cornish, D. B. & Clarke, R. V. Opportunities, Precipitators and Criminal Decisions: A reply to Wortley's critique of situational crime prevention. *Crime Prev. Stud.* **16**, 41–96 (2003).
  19. Kurland, J., Pires, S. F., McFann, S. C. & Moreto, W. D. Wildlife crime: A conceptual integration, literature review, and methodological critique. *Crime Sci.* **6**, (2017).
  20. Kennedy, D. M. Pulling levers: Chronic offenders, high-crime settings, and a theory of prevention. *Valparaiso Univ. Law Rev.* **31**, 449–484 (1997).
  21. Braga, A. A. Pulling levers focused deterrence strategies and the prevention of gun homicide. *J. Crim. Justice* **36**, 332–343 (2008).
  22. Braga, A. A., Weisburd, D. & Turchan, B. Focused deterrence strategies effects on crime: A systematic review. *Campbell Syst. Rev.* **15**, (2019).
  23. Borrión, H. *et al.* The Problem with Crime Problem-Solving: Towards a Second Generation Pop? *Br. J. Criminol.* **60**, 219–240 (2020).
  24. Damania, R., Milner-Gulland, E. J. & Crookes, D. J. A bioeconomic analysis of bushmeat hunting. *Proc. R. Soc. B Biol. Sci.* **272**, 259–266 (2005).
  25. Eck, J. E. *Assessing Responses to Problems: Did It Work? An Introduction for Police Problem-Solvers.* (Center for Problem-Oriented Policing, 2017).
  26. Scott, M. S. & Kirby, S. *Implementing POP. Leading, Structuring, and Managing a Problem-Oriented Police Agency.* (U.S. Department of Justice Ofce of Community Oriented Policing Services, 2012). doi:10.4324/9781351170765-4.
  27. Sidebottom, A., Kirby, S., Tilley, N., Armitage, R., Ashby, M., Bullock, K. and Laycock, G. Implementing and sustaining problem-oriented policing A guide. *Jill Dando Inst. Secur. Crime Sci. Univ. Coll. London* **26** (2020).

## Maklumat Penulis

*Andrew M. Lemieux*

*Andrew M. Lemieux adalah seorang penyelidik di Pusat kajian Jenayah dan Penguatkuasaan Undang-Undang (NSCR) Institusi Belanda. Beliau menyelaraskan tema bagi jenayah hidupan liar NSCR dan menjadi anggota tema Corak Ruang dan Masa Jenayah. Selama sedekad yang lalu, Andrew telah bekerjasama dengan pelbagai agensi perlindungan hidupan liar di Afrika dan Asia termasuk entiti kerajaan, bukan kerajaan, dan swasta. Karyanya berkisar pada pengumpulan dan penggunaan data untuk membuat keputusan, dengan penekanan pada penyelesaian masalah dan pencegahan jenayah bersituasi. Dia telah menghabiskan banyak waktu di lapangan bersama renjer di barisan hadapan dalam usaha perlindungan dan bersama pengurus bagi mencari Langkah-langkah inovatif untuk melindungi ekosistem mereka. Pengalaman inilah yang mendorong Andrew untuk mempromosikan penggunaan perlindungan hidupan liar yang berorientasikan masalah sebagai cara untuk mencari penyelesaian menyeluruh yang saling bermanfaat bagi hidupan liar dan juga manusia.*

*Email: [alemieux@nscr.nl](mailto:alemieux@nscr.nl)*

*R.S.A Pickles*

*Rob menyokong dan menyelaraskan pasukan dengan teliti di kawasan perlindungan di Asia untuk melakukan perlindungan hidupan liar yang berorientasikan masalah. Setelah bekerjasama dengan pasukan pencegah pemburuan hidupan liar selama tujuh tahun, Rob secara khususnya adalah lebih fokus untuk menangani cabaran yang menghalang usaha pencegahan pemburuan haram di kawasan hutan belantara yang terpencil dan pasukan renjer yang mempunyai sumber yang terhad. Rob telah memperoleh Ph.D. dalam bidang ekologi dari Kent Universiti dan Pertubuhan Zoological London pada tahun 2010 dan menyertai dengan Panthera pada tahun 2012. Beliau adalah seorang felo penyelidikan kehormat di Pusat kajian Jenayah dan Penguatkuasaan Undang-Undang (NSCR) Institusi Belanda.*

*Email: [rpickles@panthera.org](mailto:rpickles@panthera.org)*

## Penghargaan

Panduan ini telah berkembang dari masa ke masa hasil bantuan daripada orang ramai termasuk pakar dalam pengawalan berorientasikan masalah, pengamal penguatkuasaan undang-undang, serta saintis dan pengamal pemuliharaan. Kami ingin mengucapkan terima kasih khusus kepada individu-individu berikut yang telah mengkaji pelbagai lelaran karya bagi topik ini serta telah memberikan nasihat, kritikan dan cadangan:

Hugh Robinson, Chris Hallam, Jacob van der Ploeg, Nick van Doormaal, Matt Linkie, Ryan Scott, Abishek Harihar, John Goodrich, Mike Scott, Dominique Noome, Boris Vos, Stephen Pires, Rob Guerette, Ron Clarke, John Eck, Alex Godfrey, Craig Fullstone, Tim de Wet, Ryan Beall, Henk Elffers, John-Erik Emmetsberger, Chiara Brambillasca, Kerri Rademeyer, Mark Booton, Jane Russell, Jonathan Hunter, James Slade, Julie Viollaz and Niall McCann.



Center for  
**Problem-Oriented  
Policing**

**nsCr**

Netherlands Institute for the Study  
of Crime and Law Enforcement

